

RESOLUSI

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KALI KE-13

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف المرسلين محمد رسول الله الأمين وعلى
آله وأصحابه أجمعين

Dengan limpah kurnia Allah Subhānahū wa Ta‘ālā, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-13 (MUZAKARAH-13) yang bertemakan ‘Sinergi antara Institusi Kewangan Islam dan Obligasi Sosial: Isu dan Hala Tuju’ telah berlangsung dengan jayanya pada 23-24 Julai 2019 bersamaan 19-20 Zulkaedah 1440H di The Rizqun International Hotel, Gadong, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Muzakarah-13 ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam.

Rentetan daripada perbahasan dalam Muzakarah-12 pada tahun 2018/1439H yang mengupas pelbagai isu Syariah berkaitan dengan zakat dan dana sosial dalam sistem kewangan Islam, Muzakarah-13 telah membincangkan dengan lebih lanjut dan teliti dua isu yang berkaitan, iaitu:

1. Penggunaan dana zakat, dana wakaf, dana kebajikan (*charitable fund*) dan dana tidak patuh Syariah (*Shari’ah non-compliant/purification fund*) untuk menyelesaikan hutang tertunggak di Institusi Kewangan Islam (IKI); dan

2. Pelarasan (*adjustment*), peruntukan (*provision*) dan rizab (*reserve*) dalam pengiraan zakat.

Di samping itu, MUZAKARAH-13 turut mengupas tajuk-tajuk berkaitan dengan:

1. Obligasi/kewajipan dan kaedah pengiraan zakat ke atas instrument kewangan Islam yang merangkumi sukuk, saham dan unit amanah; dan
2. Fungsi zakat dalam kerangka polisi fiskal.

MUZAKARAH-13 telah bersetuju dengan perkara-perkara berikut:

- 1. Penggunaan dana zakat, dana wakaf, dana kebajikan serta dana tidak patuh Syariah untuk menyelesaikan hutang tertunggak di IKI**

a) MUZAKARAH-13 **mengambil maklum** bahawa:

- Secara umumnya, terdapat dua kategori individu yang berhutang (*ghārimīn*) yang boleh dipertimbangkan untuk menerima dana zakat sebagai bantuan bagi menyelesaikan hutang tertunggak mereka dengan IKI, iaitu:
 - (i) Individu yang berhutang untuk kepentingan dirinya sendiri, termasuk keluarga (*ghārim li maṣlahati nafsih*) seperti pembiayaan peribadi, pendidikan, perumahan dan sebagainya; dan
 - (ii) Individu yang berhutang untuk kepentingan pihak lain (*ghārim li maṣlahati ghayrih*) seperti membina sekolah, hospital dan lain-lain.

b) Dalam hal ini, MUZAKARAH-13 **memutuskan** bahawa:

- Asnaf *ghārimīn* berhak menerima zakat sekiranya memenuhi syarat-syarat yang dibenarkan.
- Terdapat tiga (3) mekanisme pengagihan zakat yang boleh diguna pakai bagi menyelesaikan hutang tertunggak pelanggan dengan IKI, iaitu:
 - (i) Agihan dana daripada institusi zakat secara terus kepada pelanggan yang memenuhi syarat-syarat *ghārimīn*;
 - (ii) Agihan dana daripada institusi zakat secara terus kepada IKI (*creditor*) bagi tujuan menyelesaikan hutang tertunggak pelanggan dengan keizinan daripada pelanggan atau sekurang-kurangnya makluman kepada pelanggan; dan
 - (iii) Agihan dana daripada IKI terus kepada pelanggannya bagi tujuan menyelesaikan hutang yang tertunggak selagi mana tiada persyaran awal, unsur helah untuk mengelak pembayaran zakat, dan persepakatan (*tawātu'*) untuk mengembalikan harta kekayaannya.
- Mekanisme pemberian zakat oleh pihak IKI kepada pelanggan yang mempunyai hutang tertunggak dengannya melalui cara tolak selesai (*set off/muqāṣṣah*) yang dianggap sebahagian daripada kewajipan pembayaran zakat IKI adalah tidak dibenarkan berdasarkan pendapat jumhur ulama silam dan kontemporari.
- Dana wakaf boleh digunakan untuk menyelesaikan hutang tertunggak sekiranya tidak melanggar syarat-syarat pewakaf (*wāqif*).
- Dana kebajikan dan dana tidak patuh Syariah boleh digunakan sebagai mekanisme bantuan dalam

menyelesaikan hutang tertunggak sekiranya memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh IKI.

c) Justeru, MUZAKARAH-13 **merekomendasi** perkara-perkara berikut:

- IKI di Nusantara perlu menyediakan parameter untuk penggunaan dana zakat dan dana tidak patuh Syariah dalam menyelesaikan hutang tertunggak pelanggannya, selari dengan undang-undang dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa di negara masing-masing.
- Isu konflik kepentingan (*conflict of interest*) dan bahaya moral (*moral hazard*) dalam pemberian zakat kepada asnaf *ghārimīn* mesti dielakkan dengan mengambil langkah-langkah berikut:
 - (i) Pengeluaran garis panduan oleh pihak berkuasa dan pengawal selia; dan
 - (ii) Pemusatan agihan dana zakat *ghārimīn* di IKI oleh satu badan khas di peringkat industri kewangan Islam.
- Kajian lanjut dibuat mengenai definisi *ghārimīn* di kalangan individu (*shakhṣiyyah ṭabīʿiyyah*) dan syarikat (*shakhṣiyyah ʿtibāriyyah*) yang termasuk dalam asnaf zakat.

2. Pelarasan, peruntukan dan rizab dalam pengiraan zakat

a) MUZAKARAH-13 **mengambil maklum** bahawa:

- Terdapat perbezaan mekanisme pengiraan zakat yang diguna pakai oleh IKI khususnya yang berkait dengan pelarasan, peruntukan serta rizab. Hal ini menatijahkan

perbezaan dalam menentukan jumlah dana yang tertakluk kepada pengiraan dan pembayaran zakat (*zakatable amount*).

- Terdapat juga perbezaan mekanisme yang diguna pakai oleh badan-badan penetapan standard seperti Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) dalam menentukan amaun yang tertakluk kepada pengiraan dan pembayaran zakat.
- Antara isu-isu yang menyumbang kepada perbezaan ini ialah pemahaman terhadap konsep pemilikan sempurna (*milkiyyah tammah*) dan status aset bukan semasa (*non-current assets*) yang termasuk hutang belum terima (*receivables*), aset pembiayaan (*financing assets*), aset kewangan (*financial assets*), aset cagaran/jaminan (*collateralised assets*) dan lain-lain.

b) Dalam hal ini, MUZAKARAH-13 **memutuskan** bahawa:

- Kaedah pelarasan boleh diguna pakai dalam pengiraan zakat di IKI. Namun, item-item yang menjadi elemen pelarasan mestilah selari dengan kaedah pengiraan zakat yang diluluskan oleh pihak yang diiktiraf oleh institusi zakat yang berautoriti di negara masing-masing.
- Penasihat Syariah mesti memahami item-item yang membentuk amaun asas zakat dan item-item yang dikira dalam kaedah pelarasan.

c) Justeru, MUZAKARAH-13 **merekomendasi** supaya:

- Pihak berkuasa iaitu badan pengawal selia seperti bank pusat dan suruhanjaya sekuriti, institusi zakat/majlis agama Islam dan pihak piawaian perakaunan mewajibkan pendedahan terperinci kiraan zakat dalam laporan kewangan IKI, dan menyediakan standard format pelaporan bagi kegunaan pengamal industri.

- Kajian lanjut dibuat berhubung perkara-perkara berikut:
 - (i) Pemilikan sempurna dalam pengiraan zakat; dan
 - (ii) Status kewajipan zakat ke atas aset bukan semasa.

3. Zakat ke atas instrumen kewangan Islam: obligasi/kewajipan dan pengiraan

a) MUZAKARAH-13 mengambil maklum bahawa:

- Dalam konteks zakat ke atas pegangan saham dan sukuk, majoriti ulama membahagikannya kepada pegangan jangka pendek untuk dagangan dan pegangan jangka panjang untuk pelaburan.
- Jenis aset pendasar akan mempengaruhi cara pengiraan zakat ke atas pegangan saham dan sukuk untuk pelaburan.
- Terdapat pelbagai kaedah pengiraan zakat saham yang telah dicadangkan berdasarkan penggunaan haul dan nisab.
- Terdapat beberapa kaedah pengiraan zakat yang digunakan oleh syarikat pengurusan unit amanah Islam (*Islamic Unit Trust Management Companies (IUTMC)*) dalam mengeluarkan zakat bagi pihak pemegang sahamnya, antaranya Kaedah Modal Kerja (*Working Capital Method*), Kaedah Modal Berkembang (*Capital Growth Method*), dan Kaedah Untung dan Rugi (*Profit and Loss Method*).
- Tidak terdapat sebarang peruntukan khusus berkaitan zakat ke atas IUTMC (sama ada dalam bentuk penguatkuasaan, kerangka atau penyelarasan berhubung kaedah pengiraan zakat) dalam garis panduan dan peraturan yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, seperti *Garis Panduan Dana Unit Amanah (Guidelines on Unit Trust Funds)* mahupun *Garis*

Panduan Pengurusan Dana Islam (Guidelines on Islamic Fund Management).

- b) Dengan ini, MUZAKARAH-13 **merekomendasi** supaya:
- Kajian lanjutan berkaitan dengan zakat ke atas instrumen kewangan Islam dijalankan dalam aspek-aspek berikut:
 - (i) Penentuan amaun asas dalam pengiraan zakat saham; sama ada nilai semasa di hujung haul, nilai terendah, nilai purata atau lain-lain cara.
 - (ii) Kaedah pengiraan zakat saham dan *sukuk* yang diwajibkan ke atas pemegang yang mempunyai dua niat: (i) tujuan perdagangan, dan (ii) tujuan pelaburan; dan
 - (iii) Status kewajipan, kaedah pengiraan zakat dan cara pelaksanaan bagi pegangan jangka pendek ke atas instrumen kewangan untuk tujuan pelaburan.

والله أعلم بالصواب